

16/05/1999

Kemudahan R&D Proton wajar dipisah

SHAH ALAM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mencadangkan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) Proton dipisahkan daripada syarikat induk automotif itu untuk memperoleh hasil sepenuhnya.

Perdana Menteri berkata, menerusi langkah itu juga kemudahan itu boleh digunakan syarikat lain, yang tidak semestinya terbabit dalam industri automotif.

"Jika R&D khas untuk Proton saja, maka ia adalah terhad dan tidak mendatangkan hasil yang penuh. Sebab itu saya cadangkan sama ada kita boleh adakan kemudahan untuk kegunaan syarikat lain," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan kemudahan R&D terbaru Proton, di sini semalam.

Sebelum itu dalam uca-pannya Dr Mahathir mencadangkan bahagian R&D ditadbir berasingan daripada Proton bagi membolehkannya melakukan penyelidikan untuk syarikat lain.

Sementara itu Perdana Menteri berkata, beliau berbangga dengan kejayaan sesiapa juga asalkan mereka itu rakyat Malaysia.

"Kita hendak rakyat Malaysia berani mencuba sesuatu kerana kita yakin mereka akan capai kejayaan seperti dua beradik yang berjaya berjalan ke Kutub Utara," katanya.

Beliau merujuk kepada Gerald, 25, dan Justin Read, 19, yang menjadi rakyat Malaysia pertama berjaya menjejak kaki ke Kutub Utara pada 19 April lalu selepas mengharungi cuaca yang amat buruk.

(END)